



BULETIN



SPRM

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA



SPRM BIL. 6/2014

ISSN : 1675-5170



Putuskan Rantaian RASUAH

04 *Hari Terbuka SPRM 2014*

05 *Sekitar Sambutan Hari Anti Rasuah Antarabangsa 2014*

08 *Khutbah Jumaat Sempena Hari Anti Rasuah*



Sidang REDAKSI

PENERBIT

Tan Sri Abu Kassim Mohamed

PENERBIT ESEKUTIF

Datuk Mustafar Ali

PENASIHAT EKSEKUTIF EDITORIAL

Dato' Shamshun Baharin Mohd. Jamil

KETUA EDITORIAL

Mohamad Tarmize Abdul Manaf

EDITOR

Faridah Mahabob

WARTAWAN

Siti Nor Khalilah

KONSEP DAN REKABENTUK GRAFIK

Lee Cheng Teik

Nur Irwan Abdul Rahman

Nasrul

UNIT FOTO

Rosman Abu Bakar

Multazam

UNIT PENGEDARAN

Azizi Arifin

Yusof Mohamad Saberi

Buletin SPRM diterbitkan oleh Seksyen Penerbitan dan Promosi Media, Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan berkonsepkan "Informasi Dikongsi Rasuah Dihindari". Artikel-artikel dalam buletin ini hanyalah pandangan peribadi penulis, bukan dasar atau kenyataan rasmi SPRM dan tiada kaitan dengan mana-mana pihak. Buletin ini diedarkan secara percuma kepada sektor kerajaan, badan berkanun, swasta dan perpustakaan IPTA/ IPTS seluruh negara.

KANDUNGAN

Kandungan / Sidang Redaksi	02
Pena Pengarang	03
Hari Terbuka SPRM 2014 Meriah	04
Sekitar Aktiviti SPRM Negeri Sempena Hari Anti Rasuah	05
Teks Khutbah Jumaat sempena Hari Anti Rasuah	08
Lensa	10

PERCETAKAN Attin Press Sdn. Bhd. No.46 Jalan 2/108, Kawasan Perindustrian, Taman Salak Jaya, Salak Selatan, 57100 Kuala Lumpur. **TEL** 03-89641258 **FAKS** 09-89641258 **PENERBIT/ PENGEDAR/ PROMOSI** Bahagian Pendidikan Masyarakat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Aras 4, Blok D6, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Peti Surat 6000, 62007 Putrajaya.

Sambutan HARI ANTI RASUAH ANTARABANGSA

“ Pada tahun 2014, SPRM mengambil langkah proaktif menjadi peneraju kepada sambutan Hari Anti Rasuah di Malaysia. Ibu pejabat SPRM dan semua SPRM negeri mengadakan program sempena sambutan hari tersebut.”

Dato' Shamsun Baharin Mohd. Jamil
Penasihat Eksekutif Editorial

Pada 31 Oktober 2003, antara perkara yang diputuskan dalam Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu adalah, tarikh 9 Disember ditetapkan sebagai Hari Anti Rasuah Antarabangsa. Ia bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat akan bahaya rasuah serta keperluan satu usaha sama antarabangsa bagi menangani masalah ini. Pelbagai aktiviti pencegahan rasuah diadakan di seluruh dunia pada hari tersebut.

Bagi tahun 2014, tema Hari Anti Rasuah Antarabangsa adalah Putuskan Rantaian Rasuah atau 'Break the Corruption Chain'. Tema ini dipilih kerana jenayah rasuah berlaku tidak kira di mana, siapa dan bila. Rasuah tidak mengenal warna kulit, ideologi politik, latar belakang pendidikan dan kedudukan seseorang. Rasuah berlaku kerana sifat tamak dan ketiadaan integriti dalam diri. Rasuah akan terus berlaku selagi rantaian kepada jenayah itu tidak diputuskan.

Pada tahun 2014, SPRM mengambil langkah proaktif menjadi peneraju kepada sambutan Hari Anti Rasuah di Malaysia. Ibu pejabat SPRM dan semua SPRM negeri mengadakan program sempena sambutan hari tersebut. Ia menunjukkan komitmen dan sokongan Malaysia kepada inisiatif yang dilaksanakan di peringkat antarabangsa.

Program yang dianjurkan SPRM melibatkan pemimpin-pemimpin negara, pengurusan tertinggi agensi kerajaan, syarikat swasta,

pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pelajar dan masyarakat umum. Ini kali pertama, SPRM dan Malaysia amnya mengadakan program sempena Hari Anti Rasuah secara besar-besaran di seluruh negara.

Antara program utama adalah Hari Terbuka SPRM 2014 yang diadakan di Pusat Pameran Mid Valley, Kuala Lumpur. Program itu bertujuan mendekatkan SPRM kepada masyarakat. Langkah ini selaras dengan dasar 'Merakyatkan SPRM' yang ditetapkan oleh pengurusan tertinggi SPRM.

Banyak lagi program menarik dilaksanakan di peringkat SPRM negeri. Objektif utama setiap program adalah mendapatkan sokongan masyarakat terhadap usaha pembanterasan rasuah.

Sempena Hari Anti Rasuah Antarabangsa 2014 juga, Transparency International-Malaysia meneruskan program tahunannya iaitu 'Walk Against Corruption' di Tasik tiwangsa, Kuala Lumpur.

Semua aktiviti yang dilaksanakan itu adalah satu sejarah yang perlu didokumenkan. Justeru, Buletin SPRM Edisi 6 Tahun 2014 ini merupakan medium yang tepat untuk tujuan tersebut.



Meriah! Itulah gambaran kepada sambutan Hari Terbuka SPRM 2014. Walaupun baru pertama kali diadakan.

Dengan objektif untuk mendekatkan SPRM kepada masyarakat, SPRM buat pertama kalinya mengadakan Hari Terbuka SPRM 2014 sempena sambutan Hari Anti Rasuah Antarabangsa. Program tersebut diadakan pada 9 Disember 2014 di Pusat Pameran Mid Valley, Kuala Lumpur.

Pelbagai aktiviti diadakan dari jam 10 pagi sehingga 8 malam. Antara aktiviti utama adalah forum yang bertajuk 'Private-Public Partnership In Combating Corruption... Issues and Challenges'. Forum ini menentang ahli-ahli panel mewakili sektor swasta yang terdiri daripada Ketua Pegawai Integriti Petronas, Dato' Samsiah Abu Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corporation, Dato' Hafsa Hashim, Pengarah Eksekutif Top Glove Corporation Berhad, Encik Lim Cheong Guan dan Pengerusi Bersama PEMUDAH merangkap Presiden Persatuan Pengeluar Malaysia, Dato' Saw Choo Boon.

Dalam forum ini ahli-ahli panel berkongsi inisiatif-inisiatif pencegahan rasuah yang dilaksanakan oleh agensi mereka. Selain itu, mereka menjelaskan kepada peserta mengenai kepentingan menjalankan perniagaan dengan integriti dan tanpa amalan rasuah. Forum ini dihadiri kira-kira 800 peserta daripada sektor awam, swasta dan NGO.



HARI TERBUKA SPRM DISAMBUT MERIAH

Program lebih bermakna dengan kehadiran Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Paul Low. Sesi dialog hampir sejam diadakan bersama Dato' Paul dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Mustafar Ali. Moderator bagi sesi dialog adalah ahli Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR), Datuk Seri Azman Ujang. Dalam sesi tersebut, peserta mengambil kesempatan bertanya soalan dan memberi pendapat berhubung isu-isu pencegahan rasuah kepada kedua-dua tokoh itu.

Pada sebelah petangnya, diadakan taklimat pendek berhubung perlindungan pemberi maklumat, pelaksanaan Ikrar Integriti Korporat serta maklumat mengenai Sekretariat Pencegahan Rasuah di Institusi Pengajian Tinggi Awam, Institut Pendidikan Guru dan Institut pendidikan MARA dan

Sepanjang program, 16 booth pameran dibuka. Selain enam booth pameran SPRM, 10 agensi luar membuka booth pameran mereka. Agensi tersebut adalah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Jabatan Alam Sekitar, Petronas, Institut Integriti Malaysia, NKRA Membanteras Rasuah, UPM Consultant, MARA, Transparency International-Malaysia, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP), SME Corp dan Asian Finance Bank.

Program diserikan dengan kehadiran DJ Ultra FM, pasukan produksi drama 'Churam', Upin dan Ipin serta maskot SPRM iaitu Ejen Lang. Hari Terbuka SPRM 2014 mendapat liputan luas stesen televisyen, radio dan akhbar-akhbar tempatan.

Secara keseluruhannya, Hari Terbuka SPRM 2014 berjaya mencapai objektif dan matlamatnya untuk mendekati masyarakat. Program ini pasti akan diteruskan lagi pada masa akan datang.





Program Larian HAPUSKAN RASUAH SPRM Melaka

MALIM JAYA, 30 November 2014 - Bertempat di perkarangan parkir kereta, Jalan Rahmat 4, Malim Jaya, Melaka telah diadakan satu program Larian Hapuskan Rasuah sempena dengan sambutan Hari Anti Rasuah Sedunia Peringkat Negeri Melaka 2014.

Program larian ini merupakan inisiatif SPRM Melaka yang bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Melaka, Parti Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM) Negeri Melaka dan Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR) UTaM. Dalam program ini, peserta bersama-sama melakukan larian yang bertemakan 'Hapuskan Rasuah. Jangan Beri, Jangan Terima'.

Selain memperkenalkan SPRM dengan lebih dekat kepada masyarakat tempatan, ia juga bermatlamat untuk meningkatkan keyakinan dan sokongan masyarakat Negeri Melaka terhadap SPRM dalam memerangi rasuah di dalam Negeri Melaka. Usaha ini selaras dengan dasar 'Merakyatkan SPRM' yang ditetapkan oleh pengurusan tertinggi SPRM.

Larian ini melibatkan 600 orang peserta terdiri daripada wakil dari jabatan dan agensi kerajaan negeri dan persekutuan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta, pelajar dari Institusi pengajian tinggi awam dan swasta, pelajar sekolah serta masyarakat setempat.

Program bermula seawal jam 6.30 pagi dengan pendaftaran peserta disusuli dengan acara senamrobik. YB Datuk Lim Ban Hong, Exco Pengangkutan dan Pemuliharaan Bangunan yang mewakili YAB Ketua Menteri Melaka telah menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan serta melepaskan peserta dalam larian tersebut.

Turut hadir dalam program ini ialah Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme), Dato Zakaria bin Jaafar, Ketua Wanita Nasional Parti Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM), Datuk Tan Lian Hoe, Pengarah SPRM Melaka PKPj Ramli bin Ismail, ketua-ketua PGRM Melaka dan ketua-ketua jabatan persekutuan serta negeri.

Acara lain yang turut diadakan termasuklah nyalaan obor larian dan penyerahan banner 'KAMI RAKYAT NEGERI MELAKA BENCIKAN RASUAH! JANGAN BERI JANGAN TERIMA' yang mengandungi tandatangan peserta larian, oleh Dato' Tan Lian Hoe kepada Dato Zakaria. Ia merupakan simbolik sokongan warga negeri Melaka dalam memerangi jenayah rasuah. Program berakhir dengan pelancaran pelekat kereta 'Jangan Beri, Jangan Terima'. Sebagai gimik pelancaran, YB Datuk Lim Ban Hong, Dato' Tan Lian Hoe dan Dato Zakaria melekatkan pelekat itu pada tiga buah kereta, seterusnya ia diedarkan kepada semua yang hadir.

SPRM SABAH

anjur Persidangan Anti Rasuah

KOTA KINABALU, 9 Disember 2014 - Bersempena dengan sambutan Hari Anti Rasuah Antrabangsa 2014, SPRM Sabah dengan kerjasama Sekretariat Pencegahan Rasuah Universiti Malaysia Sabah menganjurkan Persidangan Anti Rasuah Peringkat Negeri Sabah. Program diadakan di Hotel Grand Borneo, Kota Kinabalu.

Objektif penganjuran program ini adalah seperti berikut:

- Mempertingkatkan kefahaman masyarakat untuk bersama SPRM membanteras rasuah.
- Meraih dan mengekalkan sokongan dan kerjasama masyarakat untuk bersama SPRM membanteras rasuah.
- Perkongsian cadangan kaedah terbaik di dalam menyampaikan mesej-mesej pencegahan rasuah kepada masyarakat.

Seramai tiga tokoh dijemput bagi membentangkan kertas kerja mereka yang berkaitan dengan pencegahan rasuah. Mereka adalah Presiden United Sabah Bajau Organization (USBO), YB Datuk Seri Panglima Mohd Salleh bin Tun Said, Pegawai Hal Ehwal Agama Islam di Bahagian Pendidikan Masyarakat, SPRM, Ustaz Nik Mohd Sukiman bin Nik Yusuf, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Haji Mustafar bin Ali.

Seramai 340 peserta yang telah hadir terdiri daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) agensi kerajaan negeri dan persekutuan, syarikat swasta, GLC dan pelajar Institut Pendidikan Tinggi.

Pada hari tersebut juga turut di laksanakan pameran mengenai pencegahan rasuah oleh SPRM Sabah yang turut di sertai oleh Sekretariat Pencegahan Rasuah Universiti Malaysia Sabah.

Program ini mampu meraih sokongan masyarakat setempat dan memperbaiki persepsi masyarakat terhadap keberkesanan SPRM. Ia juga dapat mencipta gelombang anti rasuah dalam kalangan masyarakat agar mereka sama-sama memainkan peranan dalam usaha pembanteras rasuah di negara ini.

MAJLIS PENERANGAN PENCEGAHAN RASUAH DAN DIALOG BERSAMA PEMIMPIN POLITIK

SPRM SARAWAK

KUCHING 10 Disember 2014 – Sempena sambutan Hari Anti Rasuah Antarabangsa, SPRM Sarawak mengadakan majlis dialog yang disertai oleh ahli-ahli politik sekitar Negeri Sarawak


Majlis penerangan pencegahan rasuah dan dialog bersama pemimpin politik ini diadakan bagi menjelaskan peranan dan fungsi SPRM, seterusnya meraih sokongan mereka kepada SPRM dalam usaha membanteras rasuah.

Selain itu, program ini juga merupakan platform berkesan untuk memperkenalkan SPRM dan menjelaskan mengenai kebebasan dan ketelusannya kepada masyarakat tempatan. Ini kerana, ahli-ahli politik yang hadir adalah mereka yang dipilih oleh masyarakat dan mewakili suara rakyat.

Program ini juga bertujuan untuk meningkatkan keyakinan dan sokongan masyarakat Negeri Sarawak terhadap SPRM dalam memerangi rasuah di dalam Negeri Sarawak sejajar dengan dasar 'Merakyatkan SPRM'.

Program bermula pada jam 9.00 pagi dan dihadiri 30 ahli politik ini turut dihadiri oleh Ahli Parlimen Sibuti, Ahmad Lai bin Bujang.

Secara keseluruhannya, program ini berjaya mencapai objektifnya dan mendapat sambutan menggalakkan daripada tetamu yang hadir.



Program Larian Hapuskan Rasuah

SPRM Negeri Sembilan

PAROI, 23 November 2014 - Sempena Hari Anti Rasuah Antarabangsa 2014, SPRM Negeri Sembilan mengadakan Program Larian Hapuskan Rasuah bersama Kelab Sukan dan Komuniti Bukit Kepayang dan juga Parti Gerakan Cawangan Negeri Sembilan.

Program ini berjaya mengumpulkan jumlah peserta yang ramai iaitu sekitar 1,000 orang daripada pelbagai lapisan masyarakat setempat. Penyertaan tersebut membuktikan komitmen dan sokongan masyarakat kepada SPRM dalam usaha membanteras jenayah rasuah. Larian Hapuskan Rasuah ini diadakan di Kompleks Belia dan Sukan Paroi, Negeri Sembilan.

Pelepasan peserta larian dilakukan oleh Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan, Dato' Dr. Awaluddin bin Hj. Said. Turut sama adalah Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Mustafar bin Ali dan Ketua Wanita Gerakan Nasional, Dato' Tan Lian Hoe. Selepas larian, peserta bersama-sama melakukan senam robik bagi memanaskan badan.

Program ini mendapat kerjasama penuh daripada jabatan kerajaan lain iaitu Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan, PDRM dan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sembilan.

Kebanyakan peserta yang hadir menyatakan harapan mereka agar program ini terus diadakan pada masa akan datang.

SPRM PERLIS

PROGRAM PENERANGAN AKTA PERLINDUNGAN SAKSI DAN PEMBERI MALUMAT SERTA FORUM KERJAYA MENUJU NERAKA

PERLIS, 9 Disember 2014 – Bertujuan bagi memberi pemahaman yang jelas berkaitan Akta Perlindungan Saksi dan Pemberi Maklumat, satu sesi penerangan mengenai kedua-dua akta ini telah diadakan oleh SPRM Perlis. Penerangan disampaikan oleh pegawai SPRM Negeri Perlis iaitu PKPs Azizi Ahmad.

Pada sesi kedua, diadakan forum yang bertajuk 'Kerjaya Menuju Neraka'. SPRM Perlis menjemput Mufti Perlis, Datuk Dr Juanda Jaya sebagai tetamu bagi membincangkan tajuk forum.

Forum yang diadakan di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Perlis ini memfokuskan kepada penjawat awam persekutuan dan negeri, sektor swasta, politik, dan komuniti. Turut hadir adalah imam-imam sekitar Negeri Perlis.

Program ini bertujuan mendidik masyarakat setempat mengenai jenayah rasuah dan langkah-langkah pencegahannya. Pada masa yang sama, SPRM mengambil kesempatan mempromosi tarikh 9 Disember sebagai Hari Anti Rasuah Antarabangsa yang disambut seluruh dunia.

Secara keseluruhannya, program ini bukan sahaja mendedahkan masyarakat kepada akta yang berkait dengan SPRM bahkan turut menjelaskan mengenai rasuah mengikut pandangan Islam. Paling penting, ianya dihadiri oleh pemimpin setempat yang mampu menyebarkan mesej SPRM kepada komuniti masing-masing.

Khutbah Jumaat Sempena Hari Anti Rasuah

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Saya mengingatkan diri saya dan tuan-tuan sekalian, marilah sama-sama kita tingkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan cara melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita memperoleh keberkatan dan keredhaan serta perlindungan Allah SWT di dunia dan di akhirat. Mimbar Jumaat pada hari ini akan menyampaikan khutbah yang bertajuk **'Usaha Menencegah Rasuah Tanggungjawab Bersama'**.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Sempena dengan sambutan Hari Anti Rasuah Sedunia yang disambut pada 9 Disember setiap tahun, mimbar pada hari ini akan memperkatakan tentang gejala rasuah yang merupakan satu perbuatan jenayah yang memberi ancaman besar kerana ia mudah menular ke dalam masyarakat. Amalan rasuah boleh membinasakan sesebuah negara mahupun sesebuah tamadun bangsa itu sendiri. Rasuah yang berleluasa boleh menghakis sistem keadilan dan nilai-nilai murni, menindas rakyat serta menggugat pemerintahan secara demokratik. Di samping itu, jenayah rasuah juga akan melahirkan keperibadian yang buruk lagi hina kerana rela menggadai maruah agama dan umat Islam demi mengejar wang ringgit, pekerjaan, jawatan, pangkat, hadiah dan sebagainya.

Rasuah dalam Islam adalah haram. Ini berdasarkan kepada dalil qat'ie iaitu al-Qur'an, as-Sunnah dan ijmak ulamak. Dalam al-Qur'an terdapat ayat yang menggariskan tentang rasuah berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 188:

Maksudnya: "Dan janganlah kamu makan harta orang lain di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)."

Persoalan besar timbul di sini, mengapakah amalan ini masih berlaku, sedangkan umum mengetahui bahawa perlakuan rasuah di sisi Islam adalah haram serta keji lagi hina. Berdasarkan pemerhatian, antara faktor utama menyebabkan berlaku rasuah ialah tiada iman, bernafsu besar atau sifat tamak haloba, sikap mahu hidup mewah, memburu kekayaan dengan cepat, tidak bersyukur serta terikut-ikut dengan rakan-rakan sekerja.

Sama ada disedari atau tidak bahawa mereka yang terlibat dengan jenayah ini sebenarnya mengakibatkan beberapa kesan buruk seperti pembahagian kekayaan negara tertumpu kepada orang tertentu sahaja, meningkatkan kadar inflasi dan kezaliman dalam masyarakat semakin berleluasa. Ingatlah semua wang kekayaan yang di dapati dengan cara haram adalah wang dan harta yang tidak berkat. Kekayaan secara haram hakikatnya tidak membawa kesenangan dan kebahagiaan dalam hidup, tetapi akan membawa kesengsaraan dan kecelakaan di dunia dan jua akhirat. Jiwa manusia pada asalnya adalah suci, tetapi bila mana harta yang diperolehi secara tidak halal tidak mungkin dapat memberi ketenangan kepada jiwa kita.

Kesalahan rasuah tidak mengira golongan perasuah, kesalahan rasuah bukan terletak kepada kecil atau besar saiz atau amaun transaksi yang terlibat. Ingatlah bahawa kesalahan rasuah adalah terletak pada perbuatannya, samada seseorang itu pemberi, penerima atau menjadi orang tengah kepada perbuatan rasuah tersebut.

Sabda Rasulullah SAW, mafhumnya: "Pemberi rasuah dan penerima rasuah akan masuk ke dalam api neraka." (Riwayat at-Thobarani).

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Kesejahteraan negara banyak bergantung kepada sejauh mana kualiti setiap rakyatnya. Jika masyarakat mengamalkan budaya hidup yang sihat dan berakhlak mulia maka negara akan diberkati Allah SWT dan bertambah maju. Tetapi jika masyarakat mengamalkan gaya hidup yang keji seperti mengamalkan rasuah dan penyalahgunaan kuasa, negara akan runtuh dan bertambah mundur kerana perbuatan rasuah boleh mengundang kepada kemurkaan Allah SWT.

Justeru, ingatlah wahai umat Islam sekalian, sekiranya kita terlibat dalam penyelewengan dan penipuan ketika melaksanakan tanggungjawab dan pekerjaan kita, maka rezeki yang kita perolehi adalah haram, makanan dan minuman kita adalah haram, pakaian yang kita pakai juga adalah haram kerana ia datang dari sumber yang haram. Adakah kita sanggup melihat anak cucu kita memakan dari sumber yang haram serta membesar daripada hasil yang haram. Ingatlah bahawa setiap darah daging kita yang tumbuh daripada hasil yang haram, maka api neraka adalah tempatnya sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

Mafhumnya: "Setiap daging yang tumbuh hasil dari makanan yang haram itu maka api neraka adalah lebih utama untuknya". (Riwayat al-Tarmizi)

Di antara kesan buruk daripada jenayah rasuah ialah tertolaknya ibadah solat dan doa kerana menggunakan sumber yang haram. Alangkah ruginya kita disebabkan perbuatan keji ini ibadah dan doa kita menjadi sia-sia serta terhalang daripada mendapat rahmat Allah SWT. Mimbar amat bimbang jika kita tidak segera membanteras penyakit ini nescaya akan terdedah kepada pelbagai malapetaka dan bencana dalam kehidupan akibat kemurkaan Allah SWT. Insafilah peringatan Allah dalam surah ar-Rum ayat 41: Maksudnya: "Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)".

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Di negara kita, agensi yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan kes jenayah rasuah ialah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Walaubagaimanapun, usaha menentang dan membasmi jenayah rasuah bukan hanya terletak kepada SPRM ataupun pihak pemerintah semata-mata bahkan ianya adalah tanggungjawab bersama daripada pelbagai lapisan masyarakat untuk sama-sama memainkan peranan bagi memastikan jenayah ini dapat dibanteras. SPRM tiada kuasa mendakwa kerana Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa pendakwaan kepada Peguam Negara manakala Penghakiman dibuat oleh pihak Mahkamah.

SPRM terikat dengan Prinsip Pengasingan Kuasa yang mana kuasa SPRM hanya melakukan penyiasatan sahaja. Justeru, sokongan dan peranan daripada rakyat untuk melaporkan perbuatan jenayah rasuah kepada SPRM adalah amat di alu-alukan di samping memberi sokongan kepada segala aktiviti dan usaha mana-mana pihak terutamanya SPRM dalam usaha memerangi dan membanteras gejala yang tidak bermoral ini.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita imbas kembali beberapa intipati penting sebagai kesimpulan khutbah kita pada hari ini.

Pertama: Kembali kepada ajaran agama Islam dengan mengamalkan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya;

Kedua: Memantapkan keimanan dan ketaqwaan agar amanah yang dipikul dapat dilaksanakan dengan telus;

Ketiga: Membiarkan jenayah rasuah berleluasa hanya akan mengundang bala; dan

Keempat: Tanggjawab membanteras rasuah adalah tanggungjawab kita bersama.

Oleh itu, marilah sama-sama kita meningkatkan integriti dan menunaikan amanah dengan penuh tanggungjawab demi Merakyatkan usaha membasmi rasuah. Semoga dengan itu, iman kita terus bertambah dan dapat memakmurkan bumi Allah SWT dengan benih-benih kebaikan, menjadi golongan yang berperanan menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran dan di benteng dengan keimanan seperti firman Allah dalam surah Ali Imran ayat 104:

Maksudnya : "Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru kepada kebajikan, dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah. Dan mereka yang demikian ialah orang yang berjaya." (Surah Ali Imran: 104).





Ahli-ahli panel Forum Anti Rasuah dari kiri, Dato' Samsiah Abu Bakar, Dato' Hafshah Hashim, Encik Lim Cheong Guan dan Dato' Saw Choo Boon.



Pengunjung pelbagai lapisan mengunju SPRM 2014 di Pusat Pameran



Para peserta diberi taklimat sebelum acara Walks Against Corruption bermula.



Dianggarkan lebih kurang 800 peserta hadir ke Forum Anti Rasuah semasa Hari Terbuka SPRM pada 9 Disember 2014.



Dato oleh p



Maskot Upin, Ipin dan Agen Lang menjadi daya tarikan pengunjung terutama golongan kanak-kanak.



DJ-DJ Ultra FM memeriahkan Hari Terbuka SPRM 2014.



Peg



ngunjungi program Hari Terbuka Pameran Mid Valley.



Datuk Mustafar Ali (kiri) bersama Datuk Akbar Satar (kanan) ketika sidang media program 'Walk Against Corruption' di Tasik Titiwangsa anjuran TI-Malaysia.



Dato' Paul Low Seng Kuan dan Datuk Mustafar Ali diberi penerangan oleh pegawai SPRM ketika membuat lawatan ke booth-booth pameran di Hari Terbuka SPRM 2014.



Senamrobik sebagai pemanas badan sebelum acara Walk Against Corruption' bermula.



Pegawai-pegawai MACA memberi penerangan kepada pengunjung booth pameran mereka.



Tandatangan orang awam sebagai sokongan kepada SPRM untuk terus membanteras rasuah.

SPRM Kelantan

FORUM MERAKYATKAN PENCEGAHAN RASUAH



KOTA BHARU, 7 Disember 2014 - Sempena Hari Anti Rasuah Antarabangsa, SPRM Negeri Kelantan menganjurkan forum bertajuk 'Merakyatkan Pencegahan Rasuah: Penilaian Peranan Kita'. Forum yang berlangsung di Hotel Perdana, Kota Bharu ini menghimpunkan seramai lebih 300 orang peserta yang terdiri daripada ketua-ketua jabatan negeri dan persekutuan, pemimpin parti politik, badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan, pemimpin masyarakat setempat dan juga golongan pelajar.

Forum ini menampilkan empat ahli panel iaitu Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Mustafar bin Ali, Ahli Parlimen Kota Bharu, Dato' Takiyuddin bin Hassan, Bendahari Kehormat DPMM Kelantan, Dato' Wan Rosdi bin Mat Rasik dan Presiden Gabungan Pertubuhan Tiong Hwa Kelantan, En. Oie Poh Choon. Hadir selaku moderator pada program tersebut adalah Pendaftar Universiti Malaysia Kelantan iaitu Prof. Dr. Razli bin Che Razak.

Forum yang berlangsung selama lebih dua jam ini mengupas isu-isu rasuah dan pandangan daripada sudut pemimpin politik, pemimpin komuniti peniaga melayu dan cina serta masyarakat keseluruhannya. Ahli-ahli panel turut memberikan pandangan dan hujah mereka berhubung masalah rasuah di Malaysia dan peranan SPRM dalam

pencegahan jenayah itu.

Datuk Mustafar dalam hujah penggulungannya berkata, dalam menangani isu rasuah ini, semua pihak tidak seharusnya melemparkan persepsi negatif terhadap SPRM sebaliknya tampil membantu SPRM dengan menyalurkan maklumat berkaitan rasuah. Beliau mengakui terdapat pelbagai persepsi daripada masyarakat berhubung keberkesanan usaha pencegahan rasuah yang dilaksanakan SPRM.

"SPRM tidak pernah pilih bulu, tidak kira sama ada ikan bilis, ikan jerung, asalkan namanya 'ikan' (pelaku rasuah) kita akan ambil tindakan. Kita (SPRM) tidak juga mengira sama ada kedudukan dan ideologi seseorang dalam melaksanakan tugas. SPRM sentiasa melaksanakan siasatan secara bebas, telus dan profesional", tegas beliau dalam forum tersebut.

Majlis lebih bermakna apabila Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob merasmikan forum itu. Dalam ucapannya, beliau menyeru masyarakat agar terus memberikan sokongan kepada SPRM dalam usaha mencegah rasuah. Turut hadir pada majlis tersebut adalah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed.

SPRM WPKL

ANJUR PROGRAM BERSAMA KOMUNITI

Felda Tekam, 8 Disember 2014 - Bertempat di Felda Tekam, Pahang, SPRM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) telah diadakan satu Program Bersama Komuniti Felda Jengka 8. Program yang bermula dari 8 Disember 2014 hingga 10 Disember 2014 ini diadakan sebagai salah satu aktiviti sempena sambutan Hari Anti Rasuah Sedunia.

Objektif utama program adalah untuk menjalinkan hubungan mesra dengan penduduk, memperkenalkan SPRM secara bersemuka dan membincangkan masalah berkaitan dengan penduduk kampung agar mereka lebih faham dan jelas mengenai bidang tugas dan kuasa SPRM.

Justeru, beberapa aktiviti kemasyarakatan seperti gerak mesra bersama penduduk kampung dan sekitar, gotong royong dan Anugerah Tokoh Cemerlang Felda 2014 turut dijalankan selaras dengan usaha SPRM untuk Merakyatkan SPRM.

Maklum balas daripada beberapa penduduk yang ditemui berharap lebih banyak lagi aktiviti-aktiviti yang mendekatkan masyarakat dengan SPRM dijalankan. Tambah mereka, hanya dengan aktiviti sebegini mereka dapat mengenali SPRM secara lebih dekat.

SPRM Terengganu

**FORUM WACANA INTEGRITI 'MERAKYATKAN
SPRM DAN TRANSFORMASI TERENGGANU
BAHARU: ADAKAH SATU RETORIK?'**

KUALA TERENGGANU, 9 Disember 2014 - SPRM Negeri Terengganu dengan kerjasama Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu menganjurkan Forum Wacana Integriti bertajuk 'Merakyatkan SPRM dan Transformasi Terengganu Baharu: Adakah Satu Retorik?'

Program diadakan di Dewan Konvensyen, Tingkat 2 Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu bermula dari jam 9.30 pagi sehingga 11.30 pagi. Seramai lebih kurang 250 peserta terdiri daripada ketua-ketua jabatan dan kakitangan pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu hadir.

Ahli Panel forum adalah Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan (PSUK) Terengganu, YM Datuk Tengku Farok Hussin bin Tengku Abd Jalil dan Pengarah SPRM Terengganu, KPKPj Zainal bin Adam. Moderator forum adalah Penolong Pengarah Agensi Transformasi Rakyat Terengganu (ATRA), En. Muhamad Ridzuan Hashim.

Kerjasama erat dan SPRM Negeri Terengganu dilihat dapat meningkatkan integriti penjawat awam negeri dan mengelakkan berlakunya rasuah, penyelewengan dan salah guna kedudukan. Kerjasama sebegini juga mampu merealisasikan transformasi dan dasar yang sedang dilaksanakan oleh SPRM dan Kerajaan Negeri Terengganu.



SPRM Pulau Pinang

**SEMINAR MEMBANTERAS RASUAH
TANGGUNGJAWAB BERSAMA**

Pulau Pinang, 10 Disember 2014 - Hari Anti Rasuah Antarabangsa 2014 disambut di Pulau Pinang dengan penganjuran seminar bertajuk 'Membanteras Rasuah Tanggungjawab Bersama'. Program setengah hari anjuran SPRM Negeri Pulau Pinang itu diadakan di Hotel Royal, Jalan Larut.

Dua panel dijemput iaitu Pensyarah USM dan juga Pakar Kriminologi, Professor Madya Dr. P. Sundramoorthy dan Penolong Pengarah Kanan, Institut Integriti Malaysia, Mohd Hafidzi bin Che Md Akhir. Kedua-dua ahli panel membentangkan serta membincangkan mengenai pencegahan rasuah daripada pelbagai perspektif, kesannya dan apa yang perlu masyarakat lakukan untuk mencegah jenayah keji itu. Moderator bagi seminar ini adalah En. Michael Heah daripada Foreign Manpower Annual Dialogue and Seminar atau FOMADAS, sebuah NGO di Pulau Pinang.

Seminar ini menghimpunkan 200 pegawai dan kakitangan sektor kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Pulau Pinang. Secara keseluruhannya, program ini berjaya memberi kefahaman kepada peserta mengenai inisiatif pencegahan rasuah di Malaysia di samping mempromosi Hari Anti Rasuah Antarabangsa yang sebelum ini jarang war-warkan.

SPRM Pahang

ajak pimpinan negeri sertai
Larian Anti Rasuah



KUANTAN, 7 Disember 2014 - Seperti SPRM Negeri Sembilan dan Melaka, SPRM PAhng turut menganjurkan Larian Anti Rasuah sempena Hari Anti Rasuah Antarabangsa 2014.

Program diadakan hasil kerjasama SPRM Pahang Kerajaan Negeri Pahang dan Majlis Perbandaran Kuantan.

Objektif utama program ini diadakan adalah untuk mendapat sokongan daripada pelbagai lapisan masyarakat dalam usaha memerangi rasuah serta mewujudkan masyarakat negeri Pahang yang bencikan rasuah.

Penyertaan larian ini adalah terbuka kepada semua jabatan dan agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Program ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan. Seramai lebih 1,500 peserta menyertai larian sejauh 3.2 kilometer ini. Setiap peserta diberikan sehelai t-shirt untuk dipakai semasa larian, pelekat kereta 'hapuskan rasuah' dan sijil penghargaan.

Program dirasmikan oleh Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Adnan bin Yaacob. Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Dato' Sri Muhammad Safian bin Ismai, Exco Belia dan Sukan Pahang, Dato' Johari bin Husin, ketua-ketua jabatan persekutuan, ketua jabatan

negeri, kakitangan awam persekutuan dan negeri, NGO negeri Pahang, orang awam serta ahli Sekretariat Pencegahan Rasuah Universiti Malaysia Pahang (SPR UMP).

Dalam ucapan perasmiaannya, Dato' Sri Diraja Adnan menggesa SPRM Pahang bertindak lebih tegas dalam membanteras jenayah rasuah di negeri Pahang. Beliau menyatakan sokongan penuh terhadap program seperti ini dengan matlamat untuk mendekatkan SPRM kepada masyarakat.

Beliau turut bersedia memberi kerjasama sepenuhnya dengan SPRM sekiranya berlaku jenayah rasuah sama ada melibatkan jabatan kerajaan, swasta atau orang awam.

Program seterusnya diteruskan dengan acara senamrobik yang dikendalikan oleh Majlis Perbandaran Kuantan, manakala kemuncak program adalah gimik upacara penyerahan obor sempena Hari Anti Rasuah Antarabangsa serta pelepasan peserta larian bersama obor yang dibawa oleh Naib Ketua Wanita Parti Gerakan Kebangsaan, Dato' Ng Lew Lai.

SPRM JOHOR

DEKATI MASYARAKAT MELALUI PROGRAM SEMBANG PERDANA

JOHOR BAHRU, 16 Disember 2014 - Bertempat di Padang Kawad, SPRM Johor, diadakan program Sembang Perdana Sempena Hari Anti Rasuah Sedunia Peringkat Negeri Johor 2014.

Program ini diadakan bagi mengajak masyarakat negeri Johor pelbagai peringkat dan lapisan umur untuk bersama-sama untuk mendengar ceramah berkaitan integriti dan kesan-kesan rasuah ke atas individu, keluarga, masyarakat dan negara.

Program ini merupakan salah satu strategi untuk memperkenalkan SPRM kepada masyarakat tempatan Negeri Johor. Ia juga bermatlamat untuk meningkatkan keyakinan dan sokongan masyarakat Negeri Johor terhadap SPRM dalam memerangi rasuah di dalam Negeri Johor.

SPRM Johor telah menjemput jurulatih daripada ESQ Leadership Centre iaitu Firdaus Djamaris sebagai penceramah bagi Program Sembang Perdana ini.

Program bermula pada jam 9.00 malam dan dihadiri 400 orang daripada jabatan dan agensi kerajaan negeri dan persekutuan, agensi-agensi penguat kuasa, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), persatuan-persatuan seperti Jemaah Malabar Muslim Negeri Johor, Kongres Indian Muslim Negeri Johor, Persatuan Usahawan Malabar, Pihak swasta, alumni ESQ dan masyarakat setempat.

Secara keseluruhannya, program ini berjaya mencapai objektif dan mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat.

SPRM KEDAH

DIALOG SPRM BERSAMA MASYARAKAT DALAM MEMBUDAYAKAN INTEGRITI

Mergong, 11 Disember 2014 - SPRM Negeri Kedah mengadakan program Dialog SPRM Bersama Masyarakat dalam Membudayakan Integriti sempena Hari Anti Rasuah Sedunia 2014. Ia diadakan di Hotel Grand Alora, Mergong.

Program setengah hari ini menampilkan dua panel istimewa iaitu mantan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Dato' Sutinah bt. Sutan dan Timbalan Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Institut Pendidikan Guru Kampus Darul Aman, Che Nazrah binti Yusof. Moderatornya adalah Penolong Pesuruhjaya, Samsul bin Salip daripada Bahagian Pendidikan Masyarakat.

Seramai 200 peserta hadir terdiri daripada pegawai kerajaan, syarikat swasta, NGO, ahli politik kerajaan dan juga pembangkang. Program ini berjaya menyatu padukan pelbagai lapisan masyarakat yang berbeza ideologi untuk bersama-sama membanteras rasuah di negara tercinta ini.

9/12

HARI ANTI RASUAH ANTARABANGSA

KATAKAN **TIDAK** KEPADA RASUAH



Bebas • Telus • Profesional

E-mel : info@sprm.gov.my
Web : www.sprm.gov.my
SMS : 019 6000 696
Talian bebas Tol : 1 800 88 6000

Anda
Boleh Lakukan Perubahan
PERANGI
Rasuah